

PM tidak perlu hadir beri keterangan

BH 22 APR 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat – Mahkamah Tinggi di sini hari ini memutuskan bahawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak perlu hadir sebagai saksi pembela untuk memberi keterangan dalam perbicaraan kes liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Hakim Datuk Ariffin Jaka yang membuat keputusan itu, mendapati tindakan memanggil Perdana Menteri untuk memberi keterangan pada perbicaraan itu adalah satu proses penyalahgunaan mahkamah.

Sehubungan itu, katanya, menjadi tanggungjawab mahkamah untuk menghalang penyalahgunaan itu daripada terus berlaku.

Beliau, yang membacakan keputusannya pada jam 9.30 pagi berkata, tidak ada sedikitpun keterangan saksi pendakwa dan pembela menunjukkan Dr Mahathir terbabit dalam mereka cipta keterangan untuk menjatuhkan Anwar.

“Oleh itu, saya membuat kesimpulan yang tidak dapat dielakkan lagi bahawa pihak pembelaan telah gagal memuaskannya hati mahkamah ini mengenai mengapa Perdana Menteri seharusnya dipanggil untuk memberi keterangan.

“Berdasarkan alasan ini, mahkamah membuat keputusan untuk mengetepikan sapintiyang dikeluarkan terhadap Dr Mahathir dan Perdana Menteri tidak perlu hadir memberi keterangan,” katanya.

Beliau berkata, keterangan afidavit Dr Mahathir itu boleh memudaratkan kes pembelaan dan ia juga boleh dianggap keterangan dengar cakup.

Katanya, pembela berhujah keterangan Dr Mahathir itu boleh digunakan untuk mencabar kewibawaan Azizan tetapi mahkamah berpendapat kewibawaan itu boleh dinilai menerusi keterangan Azizan dalam perbicaraan itu.

Sehubungan itu, katanya, mahkamah tidak mempunyai sebab untuk memanggil Dr Mahathir memberi keterangan kerana ia tidak dapat memenuhi sebarang tujuan.

Ariffin berkata, pembela juga membangkitkan mengenai kaitan surat yang ditulis oleh Ummi Hafilda Ali kepada Perdana Menteri pada 5 Ogos 1997 dan kenyataan Dr Mahathir yang menganggap kandungannya tidak berasas.

Katanya, Dr Mahathir sudah menjawab perubahan sikapnya daripada tidak mempercayai kandungan surat itu pada 1997 dan mempercayainya pada 1998 dalam afidavit jawabannya.

Beliau berkata, mahkamah menerima penjelasan Dr Mahathir itu kerana ada keterangan menunjukkan polis menjalankan dua penyiasatan kes berkenaan iaitu, berhubung laporan polis oleh Pegawai Pengiring Timbalan Perdana Menteri, Deputy Superintendan Zull Aznam Haron dan bekas Setiausaha

Sebaik saja keputusan itu diumumkan, Anwar bangun dan dengan nada tinggi berkata sesuatu kepada Ariffin sehingga menyebabkan hakim itu mengingatkannya beberapa kali supaya berhenti berbuat demikian.

Ariffin kemudian menanggukannya uerbicaraan sehingga jam 11.30 pagi bagi membolehkan pembela mengambil tindakan selanjutnya.

Selepas penangguhan itu, peguam bela Anwar, Christopher Fernando memohon penangguhan perbicaraan sehingga Rabu ini untuk mendapat arahan lanjut daripada anak guamnya. Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Datuk Abdul Gani Patail tidak membantah.

Dalam penghakiman itu, Ariffin juga menyentuh kedudukan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri yang ditimbulkan oleh peguam bela Anwar, Karpal Singh dalam hujahnya.

“Perlu diambil perhatian bahawa kedudukan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri tidak seharusnya menimbulkan sebarang perbezaan dan tidak sepatutnya diambil kira sebagai faktor dalam membuat penentuan sama ada beliau perlu memberi keterangan atau sebaliknya.

“Saya memberi pertimbangan yang sama kepada Dr Mahathir dengan warga negara yang lain tanpa sebarang keistimewaan berhubung kehadiran sebagai saksi di mahkamah ini,” katanya.

Ariffin berkata, mahkamah mendapati penjelasan Dr Mahathir dalam afidavitnya mengenai pengakuan Azizan Abu Bakar diliwat pertama kalinya oleh Anwar amat jelas.

Katanya, keterangan itu yang diberikan secara bersumpah oleh Dr Mahathir ingin digunakan pembela dalam kesnya.

ha Sulit Anwar, Mohamed Azmin Ali.

“Dr Mahathir mempunyai hak untuk memberi pandangan sendiri berkaitan penyiasatan polis. Pandangannya itu tidak mempunyai kaitan dengan tuduhan yang dibawa oleh pendakwa terhadap tertuduh.

“Oleh itu, mahkamah berpendapat adalah membuang masa saja memanggil Dr Mahathir memberi keterangan mengenai perkara tidak mempunyai kaitan dengan kes yang dibicarakan ini,” katanya.

Ariffin berkata, mahkamah juga mendapati setakat ini tidak ada keterangan untuk menunjukkan, malah membuat andaian bahawa Dr Mahathir terbabit dengan apa cara sekalipun dengan dakwaan pakatan untuk mereka cipta keterangan mengenai perbuatan liwat terhadap Anwar dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja.

Berhubung permohonan sapina Sukma Darmawan terhadap Dr Mahathir, Ariffin berkata tidak ada sebarang keterangan untuk mengaitkan Dr Mahathir dengan adik angkat Anwar itu.

Katanya, tidak ada juga keterangan menunjukkan Dr Mahathir mengetahui peribadi Sukma Darmawan dan tertuduh itu gagal memuaskan hati mahkamah bahawa keterangan Perdana Menteri dapat membantunya.

Anwar, 53, dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, 39, dituduh meliwat Azizan di unit nombor 10-7-2, pangsapuri Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar, pada satu malam jam 7.45, antara Januari hingga Mac 1993.

Bagi tuduhan itu, mereka didakwa mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.